



ULASAN MAJLIS PROFESOR NEGARA TERHADAP RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019

(PERSPEKTIF PERUDANGAN)

Pengenalan

Pandangan yang dikemukakan dalam kertas ini adalah merujuk kepada Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 atau Independent Police Complaints of Misconduct Commission Bill 2019 (IPCMC) yang sedang diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang. Majlis Profesor Negara (MPN) mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa dan pihak sekretariat kerana mengundang MPN untuk memberikan pandangan dan cadangan.

Kertas pandangan ini dibahagikan kepada **EMPAT** (4) bahagian.

Bahagian I isu yang dibincangkan adalah berkaitan kuasa Parlimen untuk menggubal IPCMC. Pandangan yang diberikan dalam kertas ini adalah bagi menjawab persoalan adakah Parlimen mempunyai kuasa legislatif untuk menggubal IPCMC.

Bahagian II pula membincangkan hal berkaitan isi kandungan IPCMC. Persoalan yang cuba dijawab ialah, sama ada terdapat isu perundangan yang berkemungkinan menjadikan peruntukan IPCMC bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang seterusnya akan menjadikannya tidak sah kerana bercanggah dengan Perlembagaan.

Bahagian III kertas pandangan ini mengemukakan beberapa isu lain yang berkaitan yang penting untuk diberikan perhatian oleh para Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas, terutamanya berkaitan kuasa dan fungsi IPCMC sebagaimana dicadangkan dalam Rang Undang-Undang yang sedang diteliti.

Bahagian IV adalah Bahagian terakhir kertas pandangan ini. Ia mengandungi pemerhatian dan cadangan umum berkaitan penambahbaikan secara holistik dan tidak menumpukan kepada isu IPCMC sahaja.

Sebelum mengutarakan pandangan berkaitan isu besar di atas, adalah penting untuk dipetik Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan yang menjadi rujukan utama mengenai kuasa Parlimen bagi menggubal IPCMC. Perkara 140 adalah berkaitan Suruhanjaya Pasukan Polis yang diberikan mandat oleh Perlembagaan untuk mengendalikan enam perkara utama berkaitan Pasukan Polis, iaitu (1) pelantikan, (2) pengesahan, (3) kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, (4) kenaikan pangkat, (5) pertukaran dan (6) penjalanan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis

Perkara 140. Suruhanjaya Pasukan Polis.

(1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Pasukan Polis yang bidang kuasanya hendaklah meliputi semua orang yang menjadi anggota pasukan polis dan yang, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada, hendaklah bertanggungjawab bagi pelantikan, pengesahan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan penjalanan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis:

Dengan syarat bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi penjalanan apa-apa kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang itu, dan dalam keadaan yang sedemikian, jika pihak berkuasa itu bukan Suruhanjaya itu, kawalan tatatertib yang boleh dijalankan oleh pihak berkuasa itu tidak boleh dijalankan oleh Suruhanjaya itu; dan tiada peruntukan undang-undang itu boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi Suruhanjaya Pasukan Polis menjalankan fungsi lain.

(3) Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu:

- (a) Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi polis, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) pegawai polis yang memerintah secara menyeluruh pasukan polis;
- (c) orang yang melaksanakan tugas jawatan Ketua Setiausaha Kementerian di bawah Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi polis;
- (d) seorang anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (e) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan sebagai jawatan khas jawatan Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan apa-apa jawatan lain dalam pasukan polis yang pada pendapatnya adalah serupa atau lebih tinggi tarafnya; dan pelantikan bagi menyandang mana-mana jawatan yang ditetapkan sedemikian tidaklah boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis.

(5) Sebelum bertindak mengikut Fasal (4) atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menimbang nasihat Perdana Menteri, dan boleh merujuk syor itu balik satu kali kepada Suruhanjaya itu untuk ditimbang semula.

(6) Suruhanjaya Pasukan Polis boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penyusunan kerjanya dan cara bagaimana fungsinya akan dilaksanakan, dan penyimpanan rekod dan minit;
- (b) tugas dan tanggungjawab anggota Suruhanjaya itu masing-masing, termasuk perwakilan kuasa atau tugasnya kepada mana-mana anggota

Suruhanjaya itu atau pasukan polis atau lembaga pegawai pasukan polis atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada anggota Suruhanjaya dan juga pasukan itu;

- (c) rundingan yang diadakan oleh Suruhanjaya itu dengan orang selain anggotanya;
 - (d) tatacara yang akan diikuti oleh Suruhanjaya itu pada menjalankan urusannya (termasuk menetapkan kuorum), melantik, mengikut pilihannya, seorang naib pengerusi daripada kalangan anggotanya, dan fungsi naib pengerusi;
 - (e) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Suruhanjaya itu perlu atau suai manfaat peruntukan mengenainya untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih baik.
- (7) Dalam Perkara ini "pertukaran" tidak termasuk pertukaran tanpa perubahan pangkat dalam pasukan polis.

Sejarah Perkara 140

Sejarah Perkara 140 dalam laporan Suruhanjaya Perlembagaan dapat dilihat dalam perenggan 113 Laporan Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid). Di bawah adalah petikan Perenggan berkaitan:

Constitutional Commission Report

“113. We further recommend that police and internal security, extradition and fugitive offenders, aliens, and immigration should be federal subjects, but that appointments in the police should be matters for the Police Service Commission in accordance with recommendations which we shall make in Chapter VIII”

158. With regard to the Police Service Commission, we recommend that the Chairman of the Commission should be the Commissioner of Police. The Police Force is a disciplinary service and it is imperative in the interests of the State that its high standards of conduct should be maintained. To ensure this, it is necessary that the Commissioner should have ample powers to regulate and review the behaviour and efficiency of all members of the Force. We think that all powers vested in the Commissioner of Police under existing

law should continue to be vested in him and that all powers now vested in the High Commissioner or the Secretary of State should be vested in the Commission. Otherwise the duties and responsibilities of this Commission should be similar to those of the Public Services Commission and should apply to all members of the Police Force”.

Draf Perlembagaan Persekutuan yang telah disediakan oleh Suruhanjaya Perlembagaan telah mewujudkan Suruhanjaya Pasukan Polis Perkara menerusi Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan. Setelah melihat kepada dokumen sejarah ini, tidak ada niat untuk Suruhanjaya Perlembagaan memberi kuasa bagi mengawal "kawalan tatatertib" kepada pihak berkuasa lain, selain daripada Suruhanjaya Pasukan Polis.

Frasa ini seperti yang dipetik di atas, ("We think that all powers vested in the Commissioner of Police under existing law should continue to be vested in him and that all powers now vested in the High Commissioner or the Secretary of State should be vested in the Commission") seolah-olah menunjukkan bahawa perkara mengenai polis, termasuk kawalan tatatertib, harus dikekalkan bersama Pasukan Polis. Walau bagaimanapun, pindaan dibuat kepada Perkara 140 (1) pada tahun 1976 dengan memasukkan proviso seperti yang disebutkan di atas. Pindaan tersebut dibuat melalui Akta A354, seksyen 32, dan berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Pihak Berkuasa Semasa Berkaitan Salah Laku Polis

Ketika ini terdapat beberapa pihak berkuasa berkaitan salah laku polis. Pihak berkuasa tersebut termasuklah:

1. Suruhanjaya Pasukan Polis (Suruhanjaya Pasukan Polis); yang menggunakan peraturan-peraturan, seperti

- Tatatertib di bawah Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pindaan (2002);
- Tindakan Penamatan Perkhidmatan di bawah Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
- Tindakan Surcaj di bawah Akta Acara Kewangan 1957.

2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
3. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)
4. Jabatan Integriti Pasukan Polis
5. Biro Pengaduan Awam - atau mungkin baru diumumkan oleh Kerajaan, iaitu "Ombudsman"

BAHAGIAN I

Persoalan yang mahu dijawab pada Bahagian ini ialah **Adakah Parlimen mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang mewujudkan kuasa untuk menjalankan kuasa berhubung dengan "kawalan tatatertib"?**

Bagi isu pertama, iaitu, *adakah Parlimen mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang mewujudkan kuasa untuk menjalankan kuasa berhubung dengan kawalan tatatertib?*

Rujukan utama untuk mewajarkan undang-undang Rang Undang-Undang IPCMC diwujudkan oleh Parlimen adalah peruntukan yang dinyatakan dalam proviso kepada Perkara 140 (1) Perlembagaan Persekutuan sebagaimana pindaan pada 1976. Jawapan kepada soalan ini ialah ya. Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi tujuan mewujudkan pihak berkuasa "... untuk menjalankan kawalan tatatertib sedemikian". Namun, proviso ini tidak menyebut tentang nama pihak berkuasa atau autoriti tersebut. Adakah ia dalam bentuk sebuah Suruhanjaya atau atas nama lain. Oleh itu, pihak berkuasa berkenaan tidak semestinya dalam bentuk sebuah Suruhanjaya, atau ia tidak semestinya suatu pihak berkuasa yang khusus atau dikhaskan hanya untuk pasukan polis. Ia mungkin boleh diwujudkan secara bersama dengan pihak berkuasa berkaitan kawalan tatatertib ke atas agensi-agensi lain seperti SIAP yang telah sedia ada.

Walauapa pun, Parlimen tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang yang memberikan kepada pihak berkuasa yang diwujudkan di bawah proviso kepada Perkara 140(1) itu selain daripada kuasa berkaitan "kawalan tatatertib". Dalam kes ini, IPCMC adalah pihak berkuasa yang dicadangkan penubuhannya tidak mempunyai kuasa untuk perkara lain daripada "kawalan tatatertib".

Secara bertulis, Fasal (1): proviso yang dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 32 (a), berkuat kuasa dari 27-08-1976 tidak menyatakan sebab kenapa pindaan tersebut dibuat. Tiada alasan yang dikemukakan semasa perbahasannya di Parlimen pada keetika itu.

BAHAGIAN II

Persoalan yang cuba dijawab pada Bahagian Kedua ini adalah seperti berikut:

1. Maksud "kawalan tatatertib". Adakah ia termasuk hukuman - yang mungkin termasuk "pemecatan" atau "turun pangkat"? Soalan-soalan kecil yang lain termasuklah

- i. Adakah pegawai yang disiasat diberi hak tertentu?
- ii. Apakah hak pegawai di bawah prosiding tatatertib dijamin oleh Rang Undang-undang itu?
- iii. Adakah aturan keadilan semula jadi (rule of natural justice) terpakai?

2. Dalam menjalankan kuasa berhubung dengan "kawalan tatatertib" adakah kuasa IPCMC termasuk juga kuasa siasatan jenayah yang boleh membenarkan penggunaan kuasa khas pelaksanaan siasatan jenayah di bawah Kanun Prosedur Jenayah?

Persoalan 1

Maksud "kawalan tatatertib". Adakah ia termasuk hukuman - yang mungkin termasuk "pemecatan" atau "turun pangkat"?

Maksud frasa "kawalan tatatertib"

Perlembagaan Persekutuan tidak mentafsirkan frasa "kawalan tatatertib". Rang Undang-Undang IPCMC juga tidak menyatakan tafsirannya. Ketiadaan tafsiran tersebut menjadikan skop bidang tugas IPCMC tidak jelas. Ekoran itu, persoalan lain berkaitan ialah, adakah kuasa IPCMC berkaitan kawalan tatatertib ini termasuk juga kuasa untuk memecat atau menurunkan pangkat. Dalam menjawab persoalan ini, adalah berkaitan untuk memetik peruntukan pada Jadual Kesebelas untuk dijadikan panduan.

Adakah IPCMC mempunyai kuasa memecat atau menurunkan pangkat?

Jadual Kesebelas Perlembagaan Persekutuan, seksyen 29 memperuntukkan tentang

Kuasa untuk melantik termasuklah kuasa untuk membuang kerja

Jika suatu undang-undang bertulis memberi mana-mana orang atau pihak berkuasa kuasa untuk membuat perlantikan bagi memegang apa-apa jawatan atau kedudukan, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa itu hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk kuasa untuk membuang kerja atau menggantung mana-mana orang yang dilantik dan melantik seorang lain buat sementara bagi menggantikan mana-mana orang yang digantung sedemikian atau bagi menggantikan mana-mana pemegang jawatan atau kedudukan yang sakit atau tidak hadir.

Dengan syarat bahawa jika kuasa orang atau pihak berkuasa itu untuk membuat perlantikan itu hanya boleh dijalankan atas syor atau tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan seseorang atau sesuatu pihak berkuasa lain, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa untuk membuang kerja itu hanya boleh dijalankan atas syor atau tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan orang atau pihak berkuasa yang lain itu.

Berdasarkan peruntukan yang dipetik ini, hanya pihak yang mempunyai kuasa melantik mempunyai kuasa untuk memecat. Oleh itu, dalam kes IPCMC, Suruhanjaya ini tidak mempunyai kuasa melantik, maka ia juga adalah tidak mempunyai kuasa untuk memecat pegawai polis yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Pasukan Polis mengikut peruntukan Perkara 140(1).

Menurut Perkara 135, Sekiranya seseorang penjawat awam itu melalui proses sisasatan disiplin dan seterusnya dipecat atau diturunkan pangkat, maka beliau dijamin terhadap dua hak. Hak pertama ialah hak untuk mendapat didengar, yang antara lain menjamin hak untuk diberitahu pertuduhan ke atasnya, diberi peluang untuk memberikan hujah atau keterangan bagi pihak dirinya, diberikan hak mempersoalkan keterangan-keterangan yang dibawa terhadapnya serta mempunyai hak untuk membalas hujah-hujah atau keterangan-keterangan yang diberikan ke atasnya (kes *Surinder Singh Kanda*).

Hak yang kedua ialah hak untuk tidak dipecat atau diturunkan pangkat oleh seseorang atau suatu pihak yang *subordinate* kepada pihak berkuasa melantik. Walau apa pun sekiranya pihak berkuasa tersebut mendapat

kebenaran atau diperturunkan kuasa oleh Suruhanjaya. Maksudnya di sini ialah, IPCMC hanya mempunyai kuasa untuk melaksanakan “kawalan tatatertib”, dan ia tidak boleh dikatakan mempunyai kuasa memecat kerana tiada penurunan (delegate) kuasa tersebut daripada mana-mana Suruhanjaya.

Dalam hal berkaitan ini, Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan perlu difahami. Walaupun proviso Perkara 140(1) membuat peruntukan bahawa “.....dan tiada peruntukan undang-undang itu boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini”. Frasa “undang-undang itu” dalam petikan ini merujuk kepada IPCM dan “Bahagian ini” merujuk kepada Bahagian Sepuluh Perlembagaan Persekutuan yang mana kedua-dua Perkara, iaitu Perkara 140 dan 135, berada. Walaupun begitu, penafian hak untuk didengar atau hak untuk tidak diturunkan pangkat oleh autoriti yang subordinate kepada autoriti yang melantik adalah satu penafian kepada hak asasi seseorang. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa Perkara 140 tidak boleh diniatkan untuk menafikan hak seorang pegawai Polis yang disiasat di bawah IPCMC.

Penerimaan prinsip *rule of natural justice*, termasuklah hak untuk didengar dan hak untuk dilayan secara adil (*audi alteram partem*; *nemo iudex in causa sua* - *no-one is judge in his own cause* - *listen to the other side*", or "*let the other side be heard as well*") adalah dua hak yang hendaklah sentiasa dijunjung dalam apa juga keadaan demi kehormatan seseorang walau dalam apa keadaan sekalipun. Semua pihak, termasuk polis hendaklah mendapat *fair hearing*.

Police Bill of Right

Berkaitan dengan ini juga, adalah dicadangkan supaya hak-hak polis hendaklah juga disertakan dalam Rang Undang-Undang IPCMC ini.

Berkaitan juga di sini tentang pemakaian Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak setiap penjawat awam untuk didengar dan juga untuk tidak dipecat oleh suatu pihak berkuasa yang lebih rendah daripada pihak yang mempunyai kuasa untuk melantik.

Persoalan 2

Dalam menjalankan kuasa berhubung dengan “kawalan tatatertib” adakah kuasa IPCMC termasuk juga kuasa siasatan jenayah yang boleh

membenarkan penggunaan kuasa khas pelaksanaan siasatan jenayah di bawah Kanun Prosedur Jenayah?

Section 29(3) Rang Undnag-Undang IPCMC menyatakan,

For the purpose of investigating any incident under section 47 (proposed amendment 51), the members of a Task Force shall have all the powers of investigation as contained in the Criminal Procedure Code [Act 593] and such powers shall be in addition to the powers provided for under this Act and not in derogation thereof.

Adalah dicadangkan bahawa, walaupun kuasa ini hanya dihadkan kepada keadaan sekiranya berlaku kes-kes serius, seperti kecederaan serius dan mati dalam jagaan polis, tetapi perkara kuasa yang dilaksanakan oleh IPCMC atau *task force* yang ditubuhkan di bawahnya adalah bagi tujuan kawalan tatatertib dan bukannya satu siasatan jenayah.

Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) sendiri menyatakan bahawa kuasa-kuasa yang diwujudkan di bawah Kanun tersebut adalah bagi tujuan siasatan jenayah, yang mana pada *preamble* Kanun Prosedur Jenayah, adalah dinyatakan dengan jelas bahawa ia adalah suatu Akta yang berkaitan dengan prosedur jenayah (An Act relating to criminal procedure).

Pendekatan ini telah disahkan oleh mahkamah Tinggi dalam keputusan kes *Selamat bin Rasumin v. Tan Sri Khalid Dato' Khalid bin Abu Bakar & Ors.* Pada Perenggan 26

....persoalan yang perlu diputuskan terlebih dahulu adalah samada Pegawai Siasatan bagi kes tatatertib boleh menggunakan kuasa di bawah Bab 13 (XIII) Kanun Prosedur Jenayah yang diberikan oleh undang-undang kepada Pegawai Penyiasat kes jenayah yang menjalankan siasatan jenayah. ...memandangkan rakaman percakapan Pemohon diambil “unlawfully” kerana Pegawai Siasatan Tatatertib telah menggunakan ‘special powers’ yang hanya diberikan kepada Pegawai Penyiasat dalam kes jenayah di bawah Kanun Prosedur Jenayah, maka rakaman percakapan Pemohon di bawah seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah adalah ‘inadmissible in evidence’ kerana tidak ada kuasa untuk menggunakan Chapter XIII bagi kes tatatertib

Keputusan mahkamah Tinggi ini kemudiannya telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan yang membuat keputusan pada 5 Julai 2018 dan disusuli pula oleh persetujuan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan pada 17 April 2019.

Berdasarkan keputusan kes yang dipetik di atas, adalah dicadangkan bahawa IPCMC tidak boleh membenarkan pemakaian kuasa khas berkaitan siasatan jenayah yang diperuntukkan di bawah Kanun Prosedur Jenayah bagi tujuan menjalankan siasatan tatatertib dibawah Rang Undang-Undang IPCMC yang dicadangkan ini.

BAHAGIAN III

Bahagian ini memberi fokus kepada perkara berkaitan kuasa dan fungsi IPCMC. Persoalan yang cuba dijawab ialah, adakah ia menepati peruntukan peruntukan Perlembagaan yang hanya membenarkan pihak berkuasa lain, selain daripada Suruhanjaya Pasukan Polis, untuk melaksanakan kuasa berkaitan “kawalan tatatertib”.

Maksud “kawalan tatatertib”

Setelah menganalisis peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang IPCMC, terdapat beberapa perkara yang dipercayai telah terkeluar daripada skop “kawalan tatatertib”. Perkataan tatatertib yang diterjemahkan daripada perkataan “discipline” ditafsirkan sebagai peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi. (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 1616) Perkataan “discipline” adalah dimaksudkan “1. *Punishment intended to correct or instruct; esp a sanction or penalty imposed after an official finding or misconduct.* 2. *Control gained by enforcing compliance or order...*” (*Black’s Law Dictionary 7th Edition*, 476). Adalah dicadangkan bahawa frasa “kawalan tatatertib” atau *disciplinary control* adalah berkaitan dengan proses disiplin, dan tidak meliputi perkara-perkara lain, walaupun ia dilihat seperti berkaitan dengan disiplin.

Fungsi IPCMC

Seksyen 4 Rang Undang-Undang IPCMC Bill menyatakan fungsi-fungsi IPCMC seperti berikut:

- (a) to promote integrity within the police force;
- (b) to protect the interest of the public by dealing with misconduct of any member of the police force;
- (c) to formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct of any member of the police force;
- (d) to advise the Government and make recommendations on appropriate measures to be taken in the promotion of integrity within the police force; and
- (e) to exercise disciplinary control over all members of the police force in such manner as may be provided in this Act or any written law

Setelah menganalisis fungsi-fungsi yang dinyatakan di atas, dan dibandingkan dengan maksud atau tafsiran “kawalan tatatertib di atas” adalah didapati bahawa Rang Undang-Undang ini telah melangkaui bidang tugas “kawalan tatatertib”, kecuali fungsi yang dinyatakan dalam perenggan (e). Fungsi (a) hingga (d) adalah terletak di bawah bidang tugas Suruhanjaya Pasukan Polis yang mempunyai kuasa berkaitan Pasukan Polis atau agensi-agensi yang berkaitan dengan integrity dalam pasukan seperti Jabatan Integriti Pasukan.

Kuasa IPCMC

Seksyen 5 Rang Undang-Undang IPCMC menyatakan kuasa IPCMC. Ia memperuntukkan:

- (1) *The Commission shall have the power and may do all things necessary for, or in connection with, or incidental to, the performance of its functions under this Act.*
- (2) *Without prejudice to the generality of subsection (1), the Commission may—*
 - (a) *advise the Government on the enhancement of the well-being and welfare of members of the police force;*
 - (b) *assist the Government in formulating legislation or recommend administrative measures to the Government or the police force, to promote integrity and abolish misconduct;*

- (c) provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the facilities, logistics, operations and standard operating procedure, of the police;*
- (d) visit any place and premises such as police stations, police quarters, lock-ups and detention centres and to make any necessary recommendations;*
- (e) study and verify any infringement of the standards operating procedure of the police and make any necessary recommendations;*
- (f) receive and assess any complaint of misconduct from any person against any member of the police force and investigate the complaint; and*
- (g) collect and process any information and evidence relating to any investigation under this Act and take such lawful measures and do such lawful acts as may be necessary relating to it.*

Setelah menganalisis kuasa-kuasa yang dicadangkan untuk diberikan kepada IPCMC, adalah didapati bahawa kuasa-kuasa di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d) adalah telah melampaui “kawalan tatatertib” dan kuasa-kuasa ini hendaklah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis. Ia bagi mengelakkan berlakunya pertindihan kuasa yang seterusnya menjadikan IPCMC tidak adil dalam pelaksanaan kuasa berkaitan kawalan tatatertib.

Keanggotaan IPCMC

Menurut Seksyen 6 Rang Undang-Undang IPCMC, diperuntukkan;

- (1) The Yang di-Pertuan Agong shall, on the advise of the Prime Minister, appoint not more than ten members of the Commission, of whom shall be a Chairman and a Deputy Chairman, for such period and on such terms as may be specified in the instrument of appointment.
- (2) No person shall be appointed as a member of the Commission if he is or was a member of the police force, or if he is a member of the public service.

Kelihatan pada subseksyen (1), tempoh lantikan tidak dinyatakan. Adalah dicadangkan supaya tempoh lantikan dinyatakan dengan jelas dalam peruntukan ini. Adalah dicadangkan supaya lantikan dibuat selama dua tahun dan layak untuk dilantik semula, seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Lihat seksyen 5 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Selain itu, subseksyen 6(2) adalah tidak berpatutan kerana keaggotaan Suruhanjaya telah dihadkan sedemikian rupa dengan mengecualikan mereka yang terlibat dengan pasukan polis dan juga penjawat awam. Ini besar kemungkinan menjadikan keaggotaan IPCMC adalah terdiri daripada mereka yang tidak berpengalaman dalam hal elwal dan proses kerja pasukan polis. Justeru, adalah dicadangkan agar keaggotaan IPCMC juga dibuka kepada bekas pegawai polis yang luas pengalaman dan juga bekas penjawat awam yang profesional dan berkepakaran.

BAHAGIAN IV

Adalah disyorkan supaya Jawatankuasa:

1. Mencadangkan kepada Parlimen untuk **menangguhkan gubalan IPCMC** sehingga semua isu yang dicadangkan dalam perbincangan Jawatankuasa ini diselesaikan sewajarnya.
2. Memberikan **perhatian serius tentang hak asasi anggota dan pegawai polis dalam proses siasatan**. Ini adalah kerana semua orang untuk dihormati kedudukannya, lebih-lebih lagi mereka yang menjalankan tugas dengan bergadai nyawa demi keamanan dan kemakmuran negara. Huraian tentang isu hak *natural justice* telah dihuraikan di atas.
3. Memperkenalkan ***Police Bill of Right***.
Police Bill of Right adalah bertujuan menjamin hak polis secara umum dan menjaga hak asasi polis apabila berlaku tuduhan atau complain ke atas mereka, atau apabila berlakunya prosiding disiplin ke atas mereka.
4. Mengambil kira sepenuhnya kedudukan **Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara dalam hal berkaitan kawalan tatatertib**. Ini adalah kerana jawatan Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara adalah lantikan khas yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara 140(6) yang memperuntukkan:

“(4) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan sebagai jawatan khas jawatan Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan apa-apa jawatan lain dalam pasukan polis yang pada pendapatnya adalah serupa atau lebih tinggi tarafnya; dan pelantikan bagi menyandang mana-mana

jawatan yang ditetapkan sedemikian tidaklah boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis”.

5. Memperkenalkan **Akta Suruhanjaya Pasukan Polis**.

Perkara 140(2) memperuntukkan:

Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi Suruhanjaya Pasukan Polis menjalankan fungsi lain”

Klausa ini hendaklah sewajarnya diambil perhatian oleh Jawatankuasa. Ini kerana klausa tersebut telah sekian lama wujud dalam Perlembagaan Persekutuan. Tetapi malangnya ia tidak mendapat perhatian pihak ahli parlimen untuk memberikan perhatian tentangnya. Kepentingan memperkenalkan Akta Suruhanjaya Pasukan Polis ini adalah untuk

- a) memastikan kekukuhan Pasukan Polis dalam segala hal berkaitannya;
- b) Supaya tidak berlaku pertindihan kuasa antara pihak berkuasa berkaitan “kawalan tatatertib dan kuasa dan fungsi Suruhanjaya Pasukan Polis

6. Menjadikan IPCMC sebagai sebagai badan pemantau atau *oversight body* bagi memastikan pasukan polis sebagai pasukan yang berwibawa;

7. Mencadangkan kepada Parlimen untuk **memperkukuhkan pasukan polis dari segi kebajikan dan prasarana kerja** serta hal-hal lain, termasuk meningkatkan jumlah keanggotaan sebagaimana Laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Pasukan Polis 2005.

Disediakan Oleh:



Pemikir Negara 

15 November 2019

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Prof. Datuk Raduan Che Rose
Presiden Majlis Profesor Negara
Tel: 019 386 9446
Emel: raduancr@gmail.com /
ceo@majlisprofesor.my